



Melakar Peristiwa

Pengkisahan Sejarah Kampus-Kampus
ITM - UiTM



Cetakan Pertama 2012
Hakcipta Terpelihara
ISBN : 978-967-363-458-3


Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengurusan UiTM.

Sebarang pertanyaan berkaitan isi kandungan buku Melakar Peristiwa Pengkisahan Sejarah Kampus-Kampus ITM-UiTM hendaklah dirujuk terus kepada Jabatan Komunikasi Korporat, Aras 2, Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam.

Kandungan

MELAKAR PERISTIWA PENGKISAHAN SEJARAH KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN ITM-UiTM

SEKAPUR SIREH	i
SEULAS PINANG	ii
SELAYANG PANDANG	iii
Pengenalan	13
Kampus Pertama – Sabah	19
Kampus Kedua – Sarawak	33
Kampus Ketiga – Perlis	47
Kampus Keempat – Terengganu	59
Kampus Kelima – Johor	75
Kampus Keenam – Melaka	93
Kampus Ketujuh – Pahang	107
Kampus Kelapan – Perak	121
Kampus Kesembilan – Kelantan	135
Kampus Kesepuluh – Pulau Pinang	145
Kampus Kesebelas – Kedah	159
Kampus Kedua Belas – Negeri Sembilan	169
Sidang Editorial	176
Sekalung Penghargaan	177



Sekapur Sireh

NAIB CANSELOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sifat kepedulian kepada agama, bangsa dan negara hanya lahir kalau kita mempunyai perasaan sayang dan cinta. Anak-anak orang Melayu dan bumiputera telah sekian lama diajar dengan sifat-sifat ambil peduli terhadap hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka. Gunanya adalah untuk menimbulkan perasaan kebersamaan mencintai dan menyayangi agar mereka tidak dicemari perkara-perkara yang melemahkan rumpun bangsa itu. Kerana itulah, anak-anak Melayu diberi pendidikan tentang sejarah. Melalui sejarah, anak-anak diasuh untuk mengingati dan menghargai jasa dan budi bagi membentuk keperibadian yang luhur dan disegani.

Lantaran itu, usaha Bahagian Arkib dan Muzium, Pejabat Pendaftar dan Jabatan Komunikasi Korporat dalam menerbitkan buku **Melakar Peristiwa: Pengkisahan Sejarah Kampus-Kampus ITM - UiTM** ini adalah sesuatu yang amat dipuji. Melalui pendokumentasian bahan sejarah ini, anak-anak bangsa kita akan peka dan sedar betapa pentingnya kita menubuhkan kampus-kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi MARA (ITM). Walaupun sejarah penubuhan setiap kampus itu berlainan, namun matlamat kewujudannya adalah sama, iaitu memberi seluas-luasnya akses pendidikan kepada anak-anak bumiputera menerima ilmu.

Hasilnya, ratusan ribu graduan kita kini berada di pasaran pekerjaan seluruh dunia. Daripada ratusan ribu graduan ini, sebahagian besarnya pernah menerima pendidikan di kampus-kampus cawangan. Buku ini akan menjadi nostalgia kepada mereka untuk mengenang kembali masa lampau ketika berada di sana. Semoga cerminan masa lampau ini akan mendekatkan semula alumni ini dengan *alma maternya*.

Kepada graduan-graduan baru, buku ini memperlihatkan bagaimana kita berjaya mengaplikasikan pembangunan ruang di kampus-kampus cawangan. Semoga para graduan berupaya melihat sejarah lampau evolusi pembangunan ini ke arah menyediakan tempat pembelajaran yang kondusif untuk mereka. Kita mengharapkan kelak mereka menghargai setiap pengorbanan yang telah dilakukan untuk mereka.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku ini. Semoga buku ini dijadikan satu lagi dokumentasi universiti untuk tatapan anak bangsa kita.

Wassalam.



Dato' Sri Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

